

Mahathir harap Pyongyang benarkan PBB periksa nuklearnya

KUALA LUMPUR 22 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berharap Korea Utara akan membenarkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memeriksa kawasan-kawasan penempatan senjata nuklearnya.

Kata beliau, Korea Utara perlu membenarkan pemeriksaan nuklear bagi mengelakkan ketegangan dengan jirannya, Korea Selatan yang mula mengambil langkah-langkah untuk memperkuatkan pertahanannya dengan

memesan peluru berpandu Patriot dari Amerika Syarikat.

Sehubungan dengan itu, kata Perdana Menteri, satu pendekatan baru perlu bagi membolehkan pemeriksaan senjata nuklear dikendalikan tanpa "menyinggung perasaan" Korea Utara.

"Kita mahu supaya pendekatan yang tidak menyebabkan Korea Utara merasa ia diarahkan untuk menerima pemeriksaan nuklear," kata beliau kepada para pemberita selepas menyampaikan

ucapan dasar dan merasmikan Mesyuarat Agung Antarabangsa Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik Ke-10 di sini, hari ini.

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika diminta mengulas perkembangan mengenai ketegangan antara Korea Utara dan Korea Selatan selepas kegagalan rundingan kedua-dua negara berkenaan.

Korea Utara mengulangi ancamannya untuk menarik diri daripada Perjanjian Pembatasan Senjata Nuklear manaka-

la Korea Selatan pula memperkuatkan strategi pertahanan dengan meminta Amerika Syarikat supaya mempercepatkan penghantaran peluru berpandu jenis Patriot ke negara itu.

Menurut Perdana Menteri, sudah tentu kedua-dua negara berkenaan tidak mahu terlibat dalam peperangan.

"Saya tidak memikirkan mereka hendak berperang sama sekali," katanya.